



Fakulti Bahasa dan Komunikasi

PERALIHAN DAN PENGEKALAN BAHASA DALAM KALANGAN GENERASI Z KAUM MELANAU DI SARAWAK

Adriana binti Dris

68906

Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (Linguistik)

2022

PERALIHAN DAN PENGEKALAN BAHASA DALAM KALANGAN GENERASI Z KAUM MELANAU DI SARAWAK

Adriana binti Dris

Projek tahun akhir ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk
Sarjana Muda Sastera dalam Linguistik

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2022

PENGISYTIHARAN KEASLIAN KERJA

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Sila tandakan (✓)

Projek Tahun Akhir
Sarjana
PhD

| |
|---|
| ✓ |
| |
| |

PENGAKUAN KEASLIAN HASIL KERJA

Perakuan ini telah dibuat pada 3 Jun hari Jumaat 2022.

Pengakuan Pelajar:

Saya Adriana binti Dris (68906) dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi dengan ini mengisyiharkan bahawa kerja bertajuk Peralihan dan Pengekalan Bahasa dalam Kalangan Generasi Z Kaum Melanau di Sarawak adalah kerja saya yang asli. Saya tidak meniru dari mana-mana hasil kerja pelajar yang lain atau dari mana-mana sumber lain kecuali dengan menyatakan sumber rujukan sewajarnya atau pengakuan telah dinyatakan dengan jelas dalam teks, dan tidak mempunyai mana-mana bahagian ditulis untuk saya oleh orang lain.

3 Jun 2022

Tarikh serahan



Adriana binti Dris (68906)

Pengesahan Penyelia:

Saya Dr. Hamidah binti Abdul Wahab dengan ini memperakui bahawa hasil kerja bertajuk Peralihan dan Pengekalan Bahasa dalam Kalangan Generasi Z Kaum Melanau di Sarawak telah disediakan oleh pelajar yang bernama di atas, dan telah diserahkan kepada Fakulti Bahasa dan Komunikasi sebagai * memenuhi sebahagian/penuh bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sastera Linguistik dengan Kepujian, dan kerja yang dinyatakan di atas, sepanjang pengetahuan saya, adalah hasil kerja pelajar tersebut.

Diterima untuk pemeriksaan oleh: Dr. Hamidah binti Abdul Wahab Tarikh:

(Nama penyelia)

Saya mengaku bahawa Projek/Tesis diklasifikasikan sebagai (Sila tandakan (✓)) :

- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi dimana penyelidikan telah dijalankan)
- AKSES TERBUKA**

Pengesahan Projek / Tesis

Oleh itu, saya mengaku dan mengesahkan dengan sewajarnya dengan kebenaran dan kerelaan bahawa Projek/Tesis ini hendaklah diletakkan secara rasmi di Pusat Khidmat Maklumat Akademik dengan kepentingan undang-undang dan hak-hak seperti berikut:

- Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan Projek/Tesis bagi pertukaran akademik antara Institut Pengajian Tinggi.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- Tiada pertikaian atau apa-apa tuntutan yang dibuat sama ada oleh pelajar itu sendiri atau pihak ketiga terhadap Projek/Tesis ini apabila telah menjadi hak milik UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.
- Mana-mana bahan, data dan maklumat yang berkaitan dengan Projek/Tesis ini, tidak dibenarkan diedar, diterbit atau didedahkan kepada mana-mana pihak oleh pelajar melainkan dengan kebenaran UNIMAS.

Tandatangan Pelajar:



(3 Jun 2022)

Tandatangan Penyelia:

(Tarikh)

Alamat semasa pelajar:

Lot 672 Demak Baru Lorong Kalijaga Jalan Bako Petra Jaya 93050 Kuching Sarawak.

Nota: *Jika Projek/Tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan bersama-sama surat daripada organisasi beserta sebab dan tempoh kerahsiaan dan sekatan.

[Instrumen ini disediakan oleh Pusat Khidmat Maklumat Akademik]

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, segala puji hanya bagi Allah, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Dengan taufik dan hidayah serta izin-Nya, saya dapat menyiapkan penulisan Projek Tahun Akhir ini untuk memperoleh segulung ijazah sarjana muda.

Saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia yang sangat berdedikasi, Dr Hamidah binti Abdul Wahab kerana telah banyak membantu dan meluangkan masa dengan memberi bimbingan dan pandangan sehingga terhasilnya projek ini.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada responden kaum Melanau yang berasal dari Bahagian Mukah, Sarawak, iaitu merangkumi daerah Mukah, Dalat, Matu, Daro, Balingian, Oya, Igan dan Belawai kerana memberi kerjasama semasa menjawab soal selidik. Kerjasama dan komitmen daripada para responden dalam memberikan segala informasi amat bermanfaat sehingga saya dapat menyelesaikan projek ini.

Sejunjung kasih dan sayang kepada ibu bapa, Dris bin Jalai dan Swahana binti Musa, adik-beradik serta semua ahli keluarga yang tidak pernah putus memberi semangat, dorongan dan mendoakan kejayaan saya. Tidak lupa juga kepada rakan seperjuangan yang sentiasa memberi sokongan, membantu dan berkongsi maklumat untuk menyiapkan projek ini, sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan. Hanya Allah sahaja yang dapat membala semua jasa baik setiap individu yang terlibat dalam proses saya menyiapkan projek ini.

Semoga kajian ini mendapat keberkatan dan keredaan daripada Allah.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Bahasa Melanau merupakan bahasa minoriti yang dituturkan oleh kaum Melanau yang berada di Sarawak. Kaum Melanau terdedah dengan bahasa yang dominan, justeru menyebabkan berlakunya fenomena peralihan dan pengekalan bahasa. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji fenomena peralihan dan pengekalan bahasa dalam kalangan generasi Z kaum Melanau di Sarawak. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti penggunaan bahasa dalam generasi Z kaum Melanau di Bahagian Mukah, Sarawak dengan menggunakan Kerangka Analisis Domain Fishman 1972. Objektif kedua kajian ini adalah untuk menghuraikan fenomena peralihan dan pengekalan bahasa yang berlaku dalam generasi Z kaum Melanau bagi domain kekeluargaan, persabahanan, keagamaan, pendidikan, dan pekerjaan dengan menggunakan Kerangka Vitaliti dan Keterancaman Bahasa UNESCO 2003. Seramai 100 orang responden daripada generasi Z kaum Melanau telah dipilih secara persampelan bertujuan dengan ketetapan kriteria tertentu. Hasil kajian mendapati fenomena peralihan bahasa dalam generasi Z kaum Melanau berlaku dalam domain keagaamaan, persabahanan, pendidikan, dan pekerjaan. Bagi fenomena pengekalan bahasa, bahasa Melanau didapati berada dalam status selamat kerana masih dituturkan oleh generasi Z, di samping generasi tua di sekeliling mereka masih menguasai serta bertutur bahasa Melanau dalam komunikasi harian.

ABSTRACT

Melanau language is a minority language spoken by the Melanau in Sarawak. The Melanau are exposed to the dominant language causing the phenomenon of language shift and maintenance. This study aims to study the phenomenon of language shift and maintenance among generation Z of the Melanau in Sarawak. The objective of this study is to identify language use in generation Z of the Melanau in Mukah Division, Sarawak using the Fishman Domain Analysis Framework 1972. The second objective is to describe the phenomenon of language shift and maintenance that occurs in generation Z of the Melanau for the domains of family, friendship, religion, education, and employment by using the UNESCO Language Vitality and Endangerment 2003. A total of 100 respondents from generation Z of the Melanau were selected by purposive sampling with determination of certain criteria. The results of the study found that the phenomenon of language shift in generation Z of the Melanau occurs in the domains of religion, friendship, education, and employment. As for the phenomenon of language maintenance, the Melanau language is in a safe status because it is still spoken by generation Z and the older generation around them still master and speak the Melanau language.

| KANDUNGAN | HALAMAN |
|--------------------------------|----------------|
| Pengisytiharan Keaslian Kerja | i |
| Penghargaan | iv |
| Abstrak | v |
| <i>Abstract</i> | vi |
| Senarai Jadual | xi |
| Senarai Rajah | xii |
| Senarai Singkatan | xiii |
| | |
| BAB 1 PENGENALAN | 1 |
| 1.1 Pendahuluan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 1 |
| 1.3 Permasalahan Kajian | 2 |
| 1.4 Tujuan dan Objektif Kajian | 4 |
| 1.5 Definisi Konsep | 5 |
| 1.5.1 Peralihan Bahasa | 5 |
| 1.5.2 Pengekalan Bahasa | 6 |
| 1.5.3 Generasi Z | 7 |
| 1.5.4 Kaum Melanau | 8 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 9 |
| 1.7 Rumusan | 11 |
| | |
| BAB 2 SOROTAN KAJIAN | 12 |
| 2.1 Pendahuluan | 12 |

| | | |
|---|---|--------|
| 2.2 | Kajian Lepas | 12 |
| | 2.2.1 Peralihan Bahasa | 12 |
| | 2.2.2 Pengekalan Bahasa | 18 |
| | 2.2.3 Peralihan dan Pengekalan Bahasa | 19 |
| 2.3 | Ulasan Kritis Kajian Lepas | 23 |
| 2.4 | Rumusan | 26 |
| BAB 3 METODOLOGI KAJIAN | | 28 |
| 3.1 | Pendahuluan | 28 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 28 |
| 3.3 | Peserta Kajian | 28 |
| 3.4 | Instrumen Kajian | 29 |
| 3.5 | Prosedur Pengumpulan Data | 34 |
| 3.6 | Prosedur Analisis Data | 35 |
| | 3.6.1 Analisis Data Objektif 1 | 36 |
| | 3.6.2 Analisis Data Objektif 2 | 36 |
| 3.7 | Kerangka Teoretikal | 37 |
| 3.8 | Batasan Kajian | 39 |
| 3.9 | Rumusan | 40 |
| BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN | | 41 |
| 4.1 | Pendahuluan | 41 |
| 4.2 | Penggunaan Bahasa dalam Lima Domain | 41 |
| | 4.2.1 Penggunaan Bahasa dalam Domain Kekeluargaan | 41 |

| | |
|--|----|
| 4.2.2 Penggunaan Bahasa dalam Domain Persahabatan | 44 |
| 4.2.3 Penggunaan Bahasa dalam Domain Keagamaan | 47 |
| 4.2.4 Penggunaan Bahasa dalam Domain Pendidikan | 50 |
| 4.2.5 Penggunaan Bahasa dalam Domain Pekerjaan | 52 |
| 4.3 Situasi Pengekalan Bahasa Melanau | 55 |
| 4.4 Perbincangan | 57 |
| 4.4.1 Peralihan Bahasa | 57 |
| 4.4.1.1 Domain Kekeluargaan | 58 |
| 4.4.1.2 Domain Persahabatan | 58 |
| 4.4.1.3 Domain Keagamaan | 59 |
| 4.4.1.4 Domain Pendidikan | 60 |
| 4.4.1.5 Domain Pekerjaan | 61 |
| 4.4.1.6 Rumusan Peralihan Bahasa Generasi Z Kaum Melanau | 62 |
| 4.4.2 Pengekalan Bahasa | 62 |
| 4.5 Rumusan | 63 |
| BAB 5 KESIMPULAN | 65 |
| 5.1 Pendahuluan | 65 |
| 5.2 Ringkasan | 65 |
| 5.3 Implikasi Dapatan Kajian | 67 |
| 5.4 Hala Tuju Kajian akan Datang | 68 |
| 5.5 Rumusan | 69 |
| RUJUKAN | 70 |

| | |
|--------------------------------|-----------|
| LAMPIRAN | 75 |
| 1 Demografi Responden | 75 |
| 2 Domain Kekeluargaan | 77 |
| 3 Domain Persahabatan | 79 |
| 4 Domain Keagamaan | 81 |
| 5 Domain Pendidikan | 83 |
| 6 Domain Pekerjaan | 85 |
| 7 Situasi Pengekalan Bahasa | 87 |
| 8 Surat Kebenaran dari Fakulti | 90 |

SENARAI JADUAL

| Jadual | Halaman |
|--|----------------|
| 1 Item Bahagian A (Demografi Responden) | 30 |
| 2 Item-item untuk Domain | 32 |
| 3 Item-item Situasi Pengekalan Bahasa | 34 |
| 4 Kekerapan dan Peratusan Penggunaan Bahasa Mengikut Domain | 36 |
| 5 Kerangka Vitaliti dan Keterancaman Bahasa UNESCO 2003 | 38 |
| 6 Kekerapan dan Peratusan Penggunaan Bahasa dalam Domain Kekeluargaan | 42 |
| 7 Kekerapan dan Peratusan Penggunaan Bahasa dalam Domain Persahabatan | 45 |
| 8 Kekerapan dan Peratusan Penggunaan Bahasa dalam Domain Keagamaan | 47 |
| 9 Kekerapan dan Peratusan Penggunaan Bahasa dalam Domain Pendidikan | 50 |
| 10 Kekerapan dan Peratusan Penggunaan Bahasa dalam Domain Pekerjaan | 53 |
| 11 Kekerapan dan Peratusan bagi Situasi Pengekalan Bahasa | 55 |

SENARAI RAJAH

| Rajah | Halaman |
|--------------|----------------|
|--------------|----------------|

| | | |
|---|--------------------------------------|----|
| 1 | Teori Analisis Domain Fishman (1972) | 38 |
|---|--------------------------------------|----|

SENARAI SINGKATAN

| | |
|-----|-----------------------|
| BM1 | Bahasa Melanau |
| DMS | Dialek Melayu Sarawak |
| BM2 | Bahasa Melayu |
| BI1 | Bahasa Iban |
| BI2 | Bahasa Inggeris |

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan beberapa perkara berkaitan tajuk kajian, iaitu Peralihan dan Pengekalan Bahasa dalam kalangan generasi Z kaum Melanau di Sarawak. Oleh yang demikian, bab ini dibahagikan kepada enam bahagian, iaitu latar belakang, permasalahan kajian, tujuan dan objektif, definisi konsep, kepentingan kajian, dan rumusan.

1.2 Latar Belakang

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai kaum. Dengan kepelbagaian kaum, semestinya mempunyai pelbagai bahasa. Usaha pengekalan bahasa amat penting diiktarkan kerana bahasa di dunia ini berhadapan dengan fenomena kepunahan bahasa. Keadaan ini terjadi disebabkan oleh pertembungan bahasa minoriti dengan bahasa yang lebih dominan dan bahasa yang dominan dengan mudah tersebar dari satu tempat ke tempat yang baharu (Tuah et al., 2020). Bahasa yang banyak difahami oleh masyarakat akan banyak digunakan dan menyebabkan bahasa minoriti dilupakan. Salah satu bahasa minoriti yang berada di Sarawak ialah bahasa Melanau. Mis (2012) menyatakan bahawa kajian terhadap penggunaan bahasa dalam suku kaum Melanau perlu giat dijalankan. Antara kajian tentang kaum Melanau yang telah dijalankan oleh pengkaji lain ialah kajian pantang larang kaum lelaki Melanau (Morni et al., 2021) dan peranan topeng sagu Melanau (Ali & Siri, 2020) manakala kajian terhadap bahasa Melanau pula lebih tertumpu kepada bidang fonologi dan fonetik seperti fonem vokal dalam dialek Melanau Rajang (Kawi & Abang Suhai, 2018) dan inventori fonem Melanau Oya

(Ab. Hamid & Aman, 2016). Kajian bahasa Melanau bagi fenomena pemilihan bahasa Melanau telah dilakukan oleh Mis (2011). Oleh hal yang demikian, kajian terhadap kaum Melanau sememangnya perlu dipergiatkan lagi kerana ia banyak tertumpu kepada budaya dan bahasa Melanau sahaja.

Pemilihan bahasa secara tidak langsung juga boleh mempengaruhi peralihan bahasa. Kajian peralihan bahasa sememangnya tidak dinafikan telah banyak dilakukan oleh pengkaji lain seperti peralihan bahasa Cham (Ghazali et al., 2020), peralihan bahasa Orang Asli Che Wong (Ma’alip, 2014), peralihan bahasa masyarakat Chetti (Omar, 2016) dan peralihan bahasa komuniti Penan Muslim di Sarawak (Shin et al., 2018). Namun begitu, kebanyakan kajian-kajian lepas kurang menyentuh mengenai pengekalan bahasa. Penelitian pengekalan bahasa kaum Melanau juga kurang dibincangkan. Pengekalan bahasa lebih tertumpu kepada bangsa-bangsa dan bahasa lain seperti kajian Tuah et al. (2020) yang menumpukan kepada masyarakat kaum Kedayan, kajian Lateh et al. (2020) yang tertumpu kepada masyarakat Satun dan kajian Selvajothi (2017) tertumpu kepada masyarakat Tamil. Oleh itu, pengkaji memilih untuk meneliti fenomena peralihan dan pengekalan bahasa dalam kaum Melanau khususnya generasi Z.

1.3 Permasalahan Kajian

Masyarakat Melanau telah mendapat banyak pengaruh daripada kaum Melayu menyebabkan mereka hanya terbatas dengan amalan dan adat mereka sahaja (Tengku Puji et al., 2014). Menurut Tengku Puji et al. (2014), masyarakat Melanau tidak merasa kekok mengaku diri mereka sebagai Melayu atau diterima sebagai Melayu bagi yang memeluk agama Islam. Secara tidak langsung, pengaruh bahasa Melayu kepada kaum Melanau telah menyebabkan mereka menggunakan bahasa Melayu lebih daripada bahasa ibunda mereka sendiri. Hal ini dapat

dibuktikan dalam kajian Mis (2011) mengenai pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Melanau di Sarawak, iaitu kaum ini lebih banyak menggunakan dialek Melayu Sarawak dan bahasa rojak Melayu-Melanau untuk berinteraksi dalam kehidupan seharian. Selain itu, Mis (2012) meneliti mengenai bahasa rojak di bandar Sarikei dan kajian tersebut membuktikan bahawa kaum Melanau menggunakan bahasa rojak Melayu-Melanau sebagai pilihan utama untuk berkomunikasi dengan sesama Melanau.

Walaupun kedua-dua kajian tersebut tidak menyeluruh kepada semua kawasan kaum Melanau, tetapi kajian tersebut dapat memberi gambaran serba sedikit tentang tahap penggunaan bahasa Melanau dalam kaum Melanau itu sendiri. Hal ini menunjukkan keterancaman bahasa Melanau dan kajian mengenai fenomena pengekalan bahasa perlu dijalankan bagi meneliti tahap keterancaman bahasa tersebut. Oleh itu, kajian fenomena pengekalan bahasa seumpama ini dapat memberi kesedaran terhadap penutur bahasa Melanau itu sendiri tentang keterancaman bahasa mereka. Tambahan pula, fenomena pengekalan bahasa terhadap bahasa Melanau juga kurang dibincangkan dan kebanyakannya berfokus kepada bahasa minoriti lain. Bagi kajian peralihan bahasa, dapatan kajian Mis (2011) menunjukkan bahawa kaum Melanau menggunakan dialek Melayu Sarawak dalam 10 tahun yang lalu. Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini, pengkaji meneliti semula dan membincangkan fenomena penggunaan bahasa dalam kaum Melanau, iaitu sama ada masih menggunakan dialek Melayu Sarawak ataupun sebaliknya.

Di samping itu, kajian terhadap kaum Melanau kebanyakannya tertumpu kepada masyarakat umum seperti kajian Mis pada tahun 2011 dan 2012. Oleh itu, kajian ini tertumpu kepada generasi Z yang berbangsa Melanau. Seperti yang dinyatakan oleh Ma'alip (2019), penggunaan bahasa ibunda dalam kalangan generasi muda memainkan peranan yang penting dalam melestarikan sesebuah bahasa. Pengkaji memilih generasi Z kerana generasi ini dibesarkan dalam keadaan teknologi yang sedang pesat membangun seperti internet dan media

sosial (Purmano et al., 2019). Generasi ini juga menggunakan teknologi untuk melakukan apa-apa urusan termasuklah urusan pekerjaan dan belajar, iaitu seiring dalam kajian Purmano et al. (2019) yang menyatakan generasi Z telah menamatkan pengajian tinggi dan menjelak kaki dalam dunia pekerjaan pada tahun 2020. Selain itu, pemilihan generasi Z untuk kajian ini disebabkan kebanyakan kajian lepas lebih tertumpu kepada lapisan masyarakat umum manakala kajian terhadap generasi Z kurang dibincangkan. Kajian terhadap bahasa generasi Z didapati banyak tertumpu di luar negara seperti di Indonesia, misalnya kajian pembelajaran bahasa Inggeris generasi Z (Astawa & Pernama, 2020) dan sikap generasi Z terhadap bahasa Jawa (Setyawan, 2019). Oleh itu, pengkaji menyelidiki fenomena peralihan dan pengekalan bahasa dalam kalangan generasi Z kaum Melanau dalam lima domain, iaitu domain kekeluargaan, persabahanan, pendidikan, keagamaan, dan pekerjaan. Kelima-lima domain ini bersesuaian dan signifikan untuk diterapkan dalam kajian melibatkan generasi Z kerana golongan ini kebanyakannya masih belajar, sudah menamatkan pengajian dan berada dalam alam pekerjaan.

1.4 Tujuan dan Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji fenomena peralihan dan pengekalan bahasa dalam kalangan generasi Z suku kaum Melanau di Sarawak. Objektif kajian adalah untuk:

1. Mengenal pasti penggunaan bahasa dalam generasi Z kaum Melanau di Bahagian Mukah, Sarawak dengan menggunakan Kerangka Analisis Domain Fishman 1972.
2. Menghuraikan fenomena peralihan dan pengekalan bahasa yang berlaku dalam kalangan generasi Z kaum Melanau di Bahagian Mukah, Sarawak bagi domain kekeluargaan, persabahanan, keagamaan, pendidikan, dan pekerjaan dengan menggunakan Kerangka Vitaliti dan Keterancaman Bahasa UNESCO 2003.

1.5 Definisi Konsep

Bahagian ini menjelaskan definisi konsep yang diaplikasikan bagi setiap istilah yang digunakan dalam kajian ini.

1.5.1 Peralihan Bahasa

Peralihan bahasa merujuk kepada bahasa ibunda yang digunakan oleh sesuatu kumpulan yang telah beralih kepada bahasa lain yang lebih dominan sebagai bahasa sehari-hari mereka (Selvajothi, 2017). Scenario ini melibatkan secara menyeluruh ataupun sebahagian dalam interaksi sehari-hari dalam sesuatu kumpulan dengan menggantikan bahasa ibunda dengan bahasa yang lebih dominan. Hal ini akan menyebabkan penutur sesuatu kumpulan akan kurang mahir dengan bahasa ibunda mereka sendiri.

Selain itu, peralihan bahasa merujuk kepada pergerakan bahasa ke tingkat bawah, iaitu pengurangan jumlah penutur sesuatu bahasa tersebut, kekurangan kemahiran berbahasa dan sesuatu bahasa tersebut kurang dituturkan dalam kebanyakan domain (Baker, 2011 dalam Ghazali et al., 2019). Menurut Selvajothi (2017), salah satu faktor yang menyebabkan berlakunya peralihan bahasa ialah pendidikan formal dalam bahasa yang lebih dominan. Di Malaysia, bahasa Melayu merupakan bahasa yang dominan dalam urusan rasmi, pendidikan dan sebagainya. Oleh itu, masyarakat yang bukan berbangsa Melayu perlu mempelajari bahasa Melayu dan bahasa ibunda mereka terhad kepada beberapa domain sahaja. Bahasa ibunda pula merupakan bahasa yang diwarisi secara turun-temurun oleh kumpulan penutur sesuatu bahasa (Shevoroshkin, 1990).

Fenomena peralihan bahasa sebenarnya berlaku dalam masyarakat minoriti disebabkan oleh perbezaan umur. Tingkat umur yang berbeza telah menggambarkan bahawa fenomena peralihan bahasa bergerak dan berubah dalam kehidupan penutur (Ma’alip, 2014). Tambahan

pula, penutur pada masa kini mempunyai akses kepada dunia digital untuk mempelajari lebih daripada satu bahasa. Maka, kajian ini akan tertumpu kepada peralihan bahasa dalam kalangan generasi Z.

Oleh itu, konsep-konsep di atas telah diteliti oleh pengkaji untuk memberi gambaran dan merangka hala tuju kajian ini mengenai peralihan bahasa. Peralihan bahasa dalam kajian ini merujuk kepada bahasa minoriti Melanau yang dituturkan oleh generasi Z kaum Melanau, yang telah beralih ke bahasa lain yang lebih dominan dalam interaksi sehari-hari mereka. Kajian Jaafar et al. (2015), Selvajothi (2017), Ghazali et al. (2019), Tuah et al. (2020), dan Lateh et al. (2020) telah menggunakan Analisis Domain Fishman 1972 dalam borang soal selidik sebagai kerangka untuk melihat fenomena peralihan bahasa dalam sesuatu kumpulan penutur. Oleh itu, bagi meneliti fenomena peralihan bahasa dalam kalangan generasi Z kaum Melanau, pengkaji mengaplikasikan Analisis Domain Fishman 1972, iaitu domain kekeluargaan, persabahanan, keagamaan, pendidikan, dan pekerjaan. Bagi mengukur peralihan bahasa tersebut, pengkaji mengadaptasi soal selidik daripada Mohamed dan Ab. Karim (2005), Zailana et al. (2019), Omar et al. (2016), Lateh et al. (2020), dan Zulkipli dan Ma’alip (2021) mengikut kesesuaian kajian ini yang berfokuskan kaum Melanau.

1.5.2 Pengekalan Bahasa

Pengekalan bahasa merupakan situasi mengenai keutuhan bahasa ibunda menjadi bahasa interaksi sesuatu kumpulan penutur dalam kehidupan sehari-hari (Selvajothi, 2017). Fenomena pengekalan sesuatu bahasa sememangnya bergantung kepada kumpulan penutur itu sendiri dengan mengamalkan bahasa tersebut sesama mereka. Kumpulan minoriti juga berhadapan keterancaman bahasa kerana mereka sentiasa berhadapan dengan kumpulan penutur yang lebih dominan. Menurut Selvajothi (2017, p. 30), “Fenomena pengekalan bahasa sering kali dikaji

bersandarkan domain dan situasi yang mempunyai bahasa yang masih lagi digunakan atau diteruskan walaupun tetap terdapat bahasa-bahasa lain yang digunakan bagi tujuan-tujuan tertentu". Hal ini membuktikan bahawa pengekalan bahasa hanya tertakluk kepada sekumpulan penutur sesuatu bahasa dengan terus menggunakan bahasa ibunda dalam beberapa aspek dan situasi dalam kehidupan. Kumpulan penutur yang tinggal di kawasan terpencil mempunyai peluang untuk mengekalkan bahasa mereka kerana mereka kurang terdedah dengan bahasa yang dianggap dominan (Selvajothi, 2017).

Oleh itu, pengekalan bahasa agak sukar jika sesebuah kumpulan penutur sudah mengalami proses peralihan bahasa. Sesebuah komuniti bahasa perlulah mengambil tahu mengenai bahasa ibunda mereka berada pada tahap vitaliti yang selamat ataupun sebaliknya. Kajian yang dijalankan oleh Tuah et al. (2020) telah mengukur tahap vitaliti bahasa dengan menggunakan kerangka Vitaliti dan Keterancaman Bahasa UNESCO. Kajian ini mengaplikasikan kerangka tersebut untuk mengukur tahap bahasa dalam kaum Melanau. Maka, pengekalan bahasa dalam kajian ini merujuk kepada pengekalan bahasa mengikut kerangka Vitaliti dan Keterancaman Bahasa UNESCO dalam kaum Melanau.

1.5.3 Generasi Z

Generasi Z ataupun disebut sebagai generasi '*digital native*' merupakan generasi yang lahir pada masa tersedianya semua teknologi dalam kehidupan serta mereka juga berkemampuan dan bersedia menggunakan peranti teknologi (Astawa & Pernama, 2020). Menurut Purnomo et al. (2019), generasi Z ataupun gen Z merupakan individu yang lahir antara tahun 1996 sehingga 2010. Kajian tersebut menyatakan bahawa generasi ini membesar dengan perkembangan teknologi yang memberangsangkan seperti internet dan media sosial. Selain itu, generasi ini mempunyai banyak kesedaran dalam menuntut di institusi pengajian tinggi dan

menceburi diri dalam bidang pekerjaan (Purnomo et al., 2019). Tambahan pula, generasi ini gemar melakukan pekerjaan atau perkara sehari-hari melalui teknologi seperti mencari sumber pembelajaran, bersosial media, bermain permainan (*games*), dan mencari maklumat-maklumat di internet (Astawa & Pernama, 2020). Oleh itu, generasi Z bagi kajian ini merujuk kepada masyarakat kaum Melanau yang berusia antara 18 sehingga 25 tahun pada tahun 2021. Generasi Z dalam kajian ini juga merujuk kepada individu yang masih muda kerana terdapat dalam kalangan mereka yang masih lagi menuntut di institusi pendidikan dan berada dalam alam pekerjaan, selari dengan pemilihan Kerangka Analisis Domain Fishman.

1.5.4 Kaum Melanau

Kaum Melanau merupakan masyarakat yang menetap di Bumi Kenyalang Sarawak. Suku kaum Melanau menetap di kawasan paya di pesisir pantai Sarawak, dari Delta Rejang sehingga ke Bintulu (Shin & Collins, 2015). Terdapat juga sebilangan kecil daripada mereka yang menetap di hulu Sungai Rejang, iaitu di Konawit dan Kapit (Shin & Collins, 2015). Menurut Shin (2020), kaum Melanau telah menghadapi dua kali perubahan dalam identiti. Perubahan pertama melibatkan identiti kebudayaan dan terjadi selepas mereka berpindah ke pesisir pantai. Setelah wujudnya beberapa generasi di kawasan baharu, golongan tersebut berhadapan dengan perubahan identiti kedua yang disebabkan oleh faktor Islamisasi dan menetap di kawasan bandar (Shin, 2020). Perubahan identiti kedua menyebabkan kaum ini mengubah identiti mereka kepada “Melayu” (Shin, 2020). Hal ini secara tidak langsung telah mengubah penggunaan bahasa mereka dengan berbahasa Melayu Sarawak serta menganggapnya sebagai bahasa pertama (Shin, 2020). Oleh itu, kajian ini meneliti peralihan dan pengekalan bahasa Melanau dalam kalangan generasi Z yang merupakan penduduk di Bahagian Mukah, Sarawak.

Menurut Pentadbiran Bahagian Mukah (n.d.), Bahagian Mukah di Sarawak merangkumi daerah Mukah, Dalat, Matu, Daro dan empat daerah kecil (Balingian, Oya, Igan, dan Belawai).

1.6 Kepentingan Kajian

Kaum Melanau merupakan masyarakat minoriti yang menetap di Sarawak. Kaum Melanau sering dikelilingi dengan kaum yang lebih dominan menyebabkan mereka menggunakan bahasa dominan seperti bahasa Melayu. Secara tidak langsung, ia menyebabkan mereka hanya bergantung dengan adat dan budaya mereka. Selain itu, bahasa Melanau merupakan bahasa ibunda kaum Melanau yang mempunyai dialek tertentu mengikut daerah. Penggunaan bahasa Melanau juga hanya dituturkan pada situasi tertentu. Di samping itu, kaum Melanau sering menggunakan dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa perantaraan sesama kaum Melanau dan kaum-kaum lain. Hal ini telah menunjukkan bahawa Melanau mengalami fenomena peralihan bahasa, manakala fenomena pengekalan bahasa pula bergantung dengan mereka sendiri. Daripada penelitian, didapati bahawa situasi bahasa dalam kalangan kaum Melanau banyak tertumpu kepada kajian fonologi, fonetik dan pemilihan bahasa. Dalam hal ini, tidak ramai pengkaji menyentuh mengenai fenomena peralihan dan pengekalan bahasa dalam kaum Melanau. Tambahan pula, kajian bahasa dalam kaum Melanau juga melibatkan lapisan masyarakat secara umum. Oleh itu, dari sudut kepentingan kajian teoritis, kajian ini menyelidiki fenomena peralihan dan pengekalan bahasa dalam kalangan generasi Z kaum Melanau. Kajian ini penting untuk menunjukkan bahawa fenomena peralihan bahasa itu berlaku dalam kaum Melanau dan pengekalan bahasa perlulah digiatkan agar bahasa ibunda mereka tidak pupus. Fenomena peralihan bahasa mengaplikasikan Kerangka Analisis Domain Fishman 1972 dan Kerangka Vitaliti dan Keterancaman Bahasa UNESCO 2003 untuk menentukan tahap keterancaman bahasa Melanau. Hasil kajian ini dijangka dapat